

Berita Harian Julai 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1	Selasa 2 Julai 2019	Siasatan ke atas Mohamad Apandi, Dzulkifli masih berjalan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2	Selasa 2 Julai 2019	SPRM tahan pegawai Majlis Daerah Yan, KPDNHEP	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3	Rabu 3 Julai 2019	SRC ada akaun rahsia	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	7
4	Isnin 8 Julai 2019	Suboh tidak tahu kenapa perlu keluar Malaysia	Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin	9
5	Isnin 8 Julai 2019	ADUN BN, kerani seleweng dana NBOS ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
6	Khamis 11 Julai 2019	DoJ siasat Bank Deutsche berhubung skandal 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	14
7	Isnin 15 Julai 2019	Audit: 13 kementerian, jabatan dan agensi negeri Sabah capai tahap cemerlang	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, Siri 1	16
8	Isnin 15 Julai 2019	34 kementerian, jabatan, badan berkanun Persekutuan cemerlang pengurusan kewangan	Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid.	18
9	Isnin 15 Julai 2019	Audit: Kerja penyenggaraan Saliran Mesra Alam NS tidak capai objektif	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, Siri 1	20
10	Isnin, 15 Julai 2019	Kesesakan di Jabatan Kecemasan hospital kerana kunjungan pesakit melebihi 'level of care'	Laporan Audit Negara 2018 Siri 1	22
11	Selasa, 16 Julai 2019	SPRM tunggu taklimat Jabatan Audit	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	24
12	Selasa, 16 Julai 2019	KDN tambah baik MyIMMS - Muhyiddin	Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin	26
13	Selasa, 16 Julai 2019	LKAN dedah salah tadbir dana SEDIC	Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 2018	28

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14	Rabu, 17 Julai 2019	Kelantan terima teguran Jabatan Audit Negara	TIMBALAN Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah	29
15	Rabu, 17 Julai 2019	Jho Low bawa pegawai Ambank jumpa Najib hendak buka akaun	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	31
16	Jumaat, 19 Julai 2019	Pasukan khas siasat pendedahan Ketua Audit	Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya	34
17	Jumaat, 19 Julai 2019	Salinan resit sumbangan politik RM2 juta tidak dijumpai	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	36
18	Isnin, 22 Julai 2019	SC laksana pelan tindakan cegah rasuah	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	39
19	Khamis 25 Julai 2019	ECRL projek terbesar China di Malaysia	Projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)	41
20	Khamis 25 Julai 2019	Industri air di setiap negeri akan diaudit	Menteri Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar	43
21	Khamis 25 Julai 2019	Sistem baharu imigresen elak penipuan	Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud	45
22	Isnin 29 Julai 2019	Kerugian FGV punca resolusi bayaran yuran pengarah ditolak	Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Md Jidin	47



Tan Sri Mohamad Apandi Ali dan Tan Sri Dzulkifli Ahmad.

1. Siasatan ke atas Mohamad Apandi, Dzulkifli masih berjalan

KUALA LUMPUR: Siasatan terhadap bekas Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali dan bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Dzulkifli Ahmad berhubung skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) masih berjalan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, berkata beberapa saksi dari SPRM turut dipanggil bagi membantu siasatan.

"Untuk makluman, SPRM ada menerima maklumat berhubung bekas Peguam Negara dan bekas Ketua Pesuruhjaya SPRM yang dikatakan menyalahguna kuasa untuk menutup kes berkaitan SRC International dan 1MDB.

"Bagaimanapun, siasatan berhubung isu ini dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai pihak yang berkecuali. Siasatan oleh PDRM masih lagi berjalan," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Lim Lip Eng (PH-DAP Kepong) yang meminta status siasatan terhadap dua individu terbabit serta beberapa lagi bekas pegawai kanan kerajaan berhubung peranan mereka dalam skandal 1MDB.

Pada Julai 2015, Datuk Seri Najib Razak yang ketika itu Perdana Menteri melantik Mohamad Apandi sebagai Peguam Negara menggantikan Tan Sri Abdul Gani Patail, yang pada masa itu mengetuai pasukan petugas khas untuk menyiasat penyelewengan dana syarikat terbabit.

Najib disiasat kerana didakwa menerima dana RM2.6 bilion yang dikatakan derma politik daripada keluarga diraja Arab Saudi dan penyelewengan RM42juta dana SRC International.

Mohamad Apandi melepaskan jawatan Peguam Negara selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran kerajaan pada tahun lalu.

Pada 11 Mei tahun lalu, Mohamad Apandi menafikan dakwaan beliau menyorokkan bukti berkaitan siasatan isu 1MDB.



ANGGOTA SPRM mengiringi tiga pegawai Majlis Daerah Yan untuk mendapatkan perintah reman di Mahkamah Sungai Petani bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

2. SPRM tahan pegawai Majlis Daerah Yan, KPDNHEP

SUNGAI PETANI: Tiga pegawai Majlis Daerah Yan dan seorang pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) direman enam hari bermula hari ini bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar, Mohammad Alif Abdul Aziz ke atas keempat-empat suspek bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, semua suspek tiba di Mahkamah Sungai Petani diiringi anggota SPRM negeri sekitar jam 9.45 pagi.

Sementara itu, sumber SPRM berkata, tiga pegawai Majlis Daerah Yan yang masing-masing berusia 54, 53 dan 50 tahun ditahan bagi membantu siasatan susulan dakwaan menerima suapan.

Ketiga-tiganya didakwa menerima suapan berjumlah RM4,600 antara Ogos hingga September tahun lalu daripada kilang baja tidak berlesen sekitar daerah Yan.



ANGGOTA SPRM mengiringi seorang pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di Mahkamah Sungai Petani bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). - Foto Amran Hamid

Katanya, suapan didakwa sebagai dorongan untuk memproses permohonan lesen kilang baja walaupun dalam pengetahuan mereka bangunan kilang terbabit tidak memenuhi spesifikasi sebagai kilang.

"Ketiga-tiga pegawai berkenaan ditahan di pejabat daerah terbabit," katanya.

Sementara itu, pegawai KPDNHEP berusia 37 tahun dari pejabat Anak Bukit, Alor Setar turut disiasat berkaitan dakwaan menerima suapan berjumlah RM11,000 dan sebuah telefon bimbit bernilai RM1,300 daripada pengusaha kilang yang sama.

"Ia sebagai dorongan membantu mempercepatkan proses permohonan lesen CSA (Control Supply Act).

"Dia ditahan di rumahnya di Alor Setar sekitar jam 12 hingga 1 tengahari semalam," katanya.



Bekas Pengarah SRC, Datuk Suboh Md Yassin hadir untuk bagi keterangan pada Perbicaraan kes SRC International Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

3. SRC ada akaun rahsia

KUALA LUMPUR: Bekas pengarah bukan eksekutif SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin, tidak pernah menyedari kewujudan akaun bank 'rahsia' syarikat itu yang menerima kemasukan wang pinjaman RM2 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Suboh ketika prosiding soal balas oleh peguam Harvinderjit Singh di Mahkamah Tinggi di sini hari ini, berkata beliau juga tidak mengetahui bila anak syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) itu menerima wang pinjaman pertama berjumlah RM2 bilion daripada KWAP pada 2011.

Harvinderjit mencadangkan kepada saksi ke-42 pendakwaan itu, tiada pengarah syarikat atau Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Nik Faisal Ariff Kamil, memberitahunya mengenai akaun yang berakhir dengan nombor 736, yang dijawab Suboh "Ya."

Harvinderjit: Adakah kamu tahu bahawa kamu bukan penandatangan akaun (736) ini?

Suboh: Tidak pernah.

Harvinderjit: Tiada seorang pun pengarah dalam SRC yang dilantik oleh kamu (lantikan luar) ... Jadi kamu sekarang terkejut?

Suboh: Ini macam bolehkah? (Sambil menunjukkan muka terkejut)

Harvinderjit: Kamu pernah tengok penyata akaun bank ini (736)?

Suboh: Tidak pernah.

Ketika dirujuk dengan penyata akaun 736 itu, Suboh bersetuju dengan cadangan Harvinderjit bahawa tandatangan tertera di sebelah tandatangan Nik Faisal tidak mungkin miliknya.

Suboh menjelaskan, beliau tidak mengetahui dan tidak pernah memberikan kebenaran terhadap semua transaksi yang terdapat pada penyata akaun terbabit.

Sementara itu, Suboh bersetuju dengan Harvinderjit bahawa Nik Faisal bukan lagi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan syarikat itu apabila ia (SRC) melantik Ihsan Perdana Sdn Bhd sebagai rakan kongsi tanggungjawab sosial korporat.

Saksi itu berkata, beliau menyedari perkhidmatan Nik Faisal di SRC berakhir pada 11 Ogos 2014.

Harvinderjit: Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah SRC memutuskan untuk menamatkan peranan Nik Faisal, anda tahu perkara ini?

Suboh: Ya, mungkin Lembaga Pengarah tidak berpuas hati dengan beliau.

Harvinderjit: Tetapi anda tidak pasti berhubung sebab sebenar?

Suboh: Saya tidak pasti sebab sebenar.

Harvinderjit: Setuju dengan cadangan saya, walaupun Nik Faisal mempunyai sokongan kuat dan kuasa besar, Lembaga Pengarah mempersoalkan berhubung audit akaun syarikat yang mengelirukan pada 2013?

Suboh: Ya setuju.

Harvinderjit: Siapa yang ambil alih?

Suboh: Datuk Mohammed Azhar Osman Khairuddin.



Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin.

4. Suboh tidak tahu kenapa perlu keluar Malaysia

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin, tidak mengetahui alasan mengapa beliau diminta melarikan diri oleh Nik Faisal Ariff Kamil ke Bangkok pada 2015 dan 2018.

Suboh, 68, ketika memberi keterangan pada prosiding perbicaraan kes SRC International yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak, mendedahkan pada 2015 beliau hanya menerima panggilan telefon daripada Faisal Ariff Kamil (bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC) mengarahkannya melarikan diri ke Bangkok, Thailand.

Saksi ke-42 pendakwaan itu berkata, Nik Faisal bagaimanapun tidak menyatakan alasannya yang mengarahkan beliau untuk melarikan diri.

Menjawab soalan peguam Tan Sri Muhammad Shafee sama ada beliau bertemu sendiri dengan Nik Faisal, Suboh berkata: "Tidak, melalui panggilan telefon."

Muhammad Shafee: Bila akan diarahkan oleh Nik Faisal untuk meninggalkan Malaysia?

Suboh: Sekitar 2015.

Muhammad Shafee: Sebelum atau selepas Pilihan Raya Umum?

Suboh: Selepas

Muhammad Shafee: Berapa kali beliau meminta anda untuk meninggalkan Malaysia?

Suboh: Saya tidak ingat

Muhammad Shafee: Lebih daripada sekali?

Suboh: Mungkin dan juga pada 2018

Muhammad Shafee: Anda ada bertanya kepada Nik Faisal mengapa perlu meninggalkan Malaysia? Apa yang sudah anda lakukan?

Suboh: Saya tidak bertanya kepada beliau

Muhammad Shafee: Anda tak syak kenapa anda diminta pergi?

Suboh: Saya tak tahu

Muhammad Shafee: Mesti ada sebab kenapa anda diminta untuk pergi?

Suboh: Saya pun keliru

Muhammad Shafee: Adakah anda melakukan kesalahan?

Suboh: Saya tak rasa saya buat salah

Muhammad Shafee: Jadi kenapa anda pergi meninggalkan Malaysia?

Suboh: Sebab Nik Faisal suruh.

Muhammad Shafee: Adakah beliau mencadangkan anda berada dalam siasatan?

Suboh: Tidak.

Dalam keterangannya pada perbicaraan yang masuk hari ke-33, Suboh berkata selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), beliau pergi ke Indonesia selama beberapa minggu.

Menjawab soalan Muhammad Shafee kenapa beliau memilih untuk meninggalkan negara selepas PRU, Suboh berkata: "Saya rasa saya perlu berehat."

Muhammad Shafee: Kenapa anda perlu berehat?

Suboh: Selepas menjalankan tanggungjawab (mengundi), saya pergi.

Muhammad Shafee: Berapa lama?

Suboh: Beberapa minggu.

Bagaimanapun Suboh, berkata ketika diminta oleh Nik Faisal untuk meninggalkan Malaysia buat kali kedua pada tahun 2018, beliau enggan mengikuti arahan itu.

"Ketika itu saya sudah berada di Indonesia dan beliau meminta saya untuk pergi ke Bangkok sekali lagi," katanya.

Sementara itu, Suboh bersetuju dengan cadangan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk V Sithambaram, bahawa SRC dan anak syarikatnya Gandingan Mentari Sdn Bhd (Gandingan Mentari) tidak pernah membuat laporan polis berhubung sebarang penipuan dilakukan terhadap syarikat itu.

Suboh bersetuju dengan cadangan Sithambaram bahawa terdapat aliran keluar masuk dana membabitkan jutaan ringgit, bukan saja membabitkan pindahan wang di antara SRC dan Gandingan Mentari, malah syarikat Putra Perdana Construction Sdn Bhd di antara 2004 dan 2005.

Disebabkan oleh aliran keluar masuk dana membabitkan jumlah yang besar, Sithambaram bertanyakan saksi ke-42 pendakwaan itu sama ada SRC pernah membuat laporan polis bahawa wang milik syarikat dicuri.

Suboh menjawab, "Tidak".

Sithambaram: Adakah kamu tahu sama ada SRC atau Gandingan Mentari ada mengambil tindakan undang-undang terhadap bank kerana pindahan wang secara salah?

Suboh: Setahu saya tidak.

Sithambaram: Daripada transaksi yang ditunjukkan di sini, adakah kamu lihat sebarang dana yang dimasukkan dalam akaun Nik Faisal?

Suboh: Tidak.

Sithambaram: Ada sebarang dana dimasukkan dalam akaun kamu?

Suboh: Tidak.

Minggu lalu, peguam bela cuba menunjukkan bahawa tandatangan Suboh dipalsukan pada dokumen arahan pindahan wang SRC kepada beberapa buah syarikat, dengan menggunakan teknik pertindihan imej pada slaid projektor.

Suboh pada prosiding itu berkata, terdapat kemungkinan berhubung perkara berkenaan.

Bagaimanapun, pada hari ini, menggunakan teknik sama, Sithambaram berjaya menunjukkan bahawa kemungkinan tandatangan Nik Faisal turut dipalsukan kerana kesemuanya nampak sama dari bentuk saiz dan struktur.

Saksi kemudian ditanya mengenai surat dokumen arahan pindahan wang itu yang menunjukkan bahawa dokumen mengandungi tandatangan Suboh dan Nik Faisal, disahkan oleh Ketua Pegawai Kewangan SRC, See Yoke Peng.

Merujuk kepada dokumen terbabit , Sithambaram mencadangkan bahawa Yoke Peng sudah meneliti semua tandatangan itu sebelum disahkan pihak bank dan wang dipindahkan daripada akaun SRC.

Suboh bersetuju dengan cadangan itu. Terdahulu, di awal prosiding, pihak pembelaan didakwa mengeluarkan 17 slaid dari mahkamah Rabu lalu yang berkemungkinan mengganggu bukti.

Sithambaram menjelaskan, walaupun dokumen itu penting bagi perbicaraan, slaid berkenaan sudah tiada di mahkamah semalam.

Muhammad Shafee menjelaskan slaid itu dibawa keluar kerana pihak pembelaan mahu membuat salinan.

Peguam Negara, Tommy Thomas, bangun dan berkata, mahkamah adalah penjaga sebenar barang kes dan sebarang cubaan untuk membawa keluar hendaklah dilakukan dengan telus.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali meminta pihak pembelaan mendapatkan kebenaran dulu sebelum berbuat demikian



5. ADUN BN, kerani seleweng dana NBOS ditahan SPRM

MELAKA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka menahan dua individu termasuk seorang wakil rakyat Barisan Nasional (BN) bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), tiga tahun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang juga seorang Ketua UMNO Bahagian dan seorang kerani wanita masing-masing berusia 57 dan 34 tahun itu ditahan selepas dipanggil untuk memberi keterangan di pejabat SPRM di Alai, di sini kira-kira jam 11 pagi tadi.

Ketua Pengarah SPRM, Latheefa Koya, berkata pemimpin lelaki terbabit adalah bekas EXCO kerajaan negeri Melaka memegang portfolio Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), manakala wanita terbabit adalah kerani di JAPERUN berkenaan.

"Kedua-dua mereka ditahan bagi membantu kes berkaitan penyelewengan peruntukan bagi Inisiatif 'Strategic Linkage' di bawah Program NBOS tahun 2016 untuk negeri Melaka yang disalurkan kepada JAPERUN.

"Kedua-dua mereka bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan SPRM dan dikehendaki hadir di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh untuk pertuduhan esok," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi sebentar tadi mengesahkan penahanan kedua-dua individu berkenaan.

Katanya, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009 iaitu mengemukakan tuntutan palsu.



DoJ memulakan siasatan sama ada Bank Deutsche melanggar undang-undang kewangan asing dalam tugasnya untuk 1MDB

6. DoJ siasat Bank Deutsche berhubung skandal 1MDB

WASHINGTON: Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) memulakan siasatan sama ada Bank Deutsche, pemberi pinjaman terbesar Jerman, melanggar undang-undang kewangan asing dalam tugasnya untuk 1 Malaysia Development Berhad (1MDB), lapor media AS semalam.

Jabatan itu menyiasat sama ada Bank Deutsche melanggar undang-undang rasuah asing atau undang-undang anti-pengubahan wang haram menerusi tugasnya untuk 1MDB, yang termasuk membantu dana itu memperoleh AS\$1.2 bilion (RM4.94 bilion) pada 2014 ketika kebimbangan mengenai pengurusan dan kewangannya mula tersebar, menurut laporan The Wall Street Journal (WSJ).

Berbilion dolar dicuri daripada dana pelaburan itu antara 2009 dan 2014 dan dihabiskan membeli daripada kapal layar sehingga hasil seni mahal, dalam penipuan didakwa membabitkan bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak dan kroninya.

Siasatan ke atas Bank Deutsche dibantu oleh bekas ahli perbankan Goldman Sachs, Tim Leissner, yang mengaku bersalah kepada tuduhan pembabitkan dalam skandal 1MDB.

Pendakwa raya meneliti peranan bekas rakan sekerja Leissner, Tan Boon-Kee, yang juga bertugas sebagai ketua perbankan Bank Deutsche di Asia Pasifik bagi pelanggan institusi kewangan itu, menurut WSJ.

Tan meninggalkan bank berkenaan tahun lalu selepas didapati beliau berhubungan dengan ahli perniagaan Malaysia dalam buruan, Jho Low, yang didakwa memainkan peranan utama dalam penipuan itu.

Bank Deutsche bekerjasama penuh dengan siasatan, katanya dalam kenyataan, dan mendakwa ia ditipu oleh 1MDB.



7. Audit: 13 kementerian, jabatan dan agensi negeri Sabah capai tahap cemerlang

KOTA KINABALU: Sebanyak 13 daripada 29 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan negeri Sabah yang diaudit pada 2018 mencapai tahap pengurusan kewangan Cemerlang, menurut Laporan Ketua Audit Negara.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018, Siri 1 yang dikeluarkan hari ini, tiga lagi kementerian, jabatan, agensi negeri berkenaan yang diaudit mencapai tahap Baik, 10 (Memuaskan), dua (Kurang Memuaskan) dan satu (Tidak Memuaskan).

"Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berasaskan Risiko ke atas tiga Kementerian dan 16 Jabatan Negeri Sabah diaudit setiap tahun manakala enam badan berkanun negeri dan empat pihak berkuasa tempatan diaudit secara pusingan," menurut laporan berkenaan.

Bagaimanapun, menurut laporan itu, masih terdapat beberapa kementerian, jabatan dan agensi yang perlu meningkatkan dan memantapkan lagi kawalan dalaman pengurusan kewangan agar isu yang dibangkitkan tidak berulang serta mengurangkan risiko ketidakpatuhan yang lebih serius.

Sehubungan itu Ketua Audit Negara mencadangkan jabatan dan agensi berkenaan mengambil tindakan sewajarnya termasuk memastikan kemahiran dan pengetahuan pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dipertingkatkan menerusi latihan secara berterusan serta penilaian ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai berkenaan dilakukan dari semasa ke semasa.

Selain itu, isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam perlu diambil tindakan pembetulan dan pencegahan.

Ketua Jabatan juga mengambil tindakan sewajarnya ke atas pegawai yang dikenal pasti telah melakukan ketidakpatuhan serius sehingga menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan menjejaskan imej Kerajaan.

Ketua Audit Negara juga mencadangkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik perlu diwujudkan bagi mengekalkan kecemerlangan tahap prestasi pengurusan kewangan dengan Buku Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Daripada Perspektif Jabatan Audit Negara Edisi 2, dijadikan rujukan.

Selain itu, penyeliaan lebih rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai bawahan yang terbabit dalam pengurusan kewangan perlu dilakukan bagi memastikan peraturan kerajaan sentiasa dipatuhi serta pembabitan secara fizikal dalam urusan tersebut.

Ketua Audit Negara juga mencadangkan supaya pusingan tugas setiap lima tahun dilaksanakan dalam kalangan pegawai yang diberi tanggungjawab kewangan, terutama dalam pengurusan terimaan, perolehan serta perbelanjaan untuk memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai melakukan ketidakpatuhan yang serius.



Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid. - NSTP/Zunnur Al Shafiq

8. 34 kementerian, jabatan, badan berkanun Persekutuan cemerlang pengurusan kewangan

KUALA LUMPUR: Tiga puluh empat daripada 54 kementerian, jabatan dan badan berkanun peringkat Persekutuan mencapai tahap cemerlang dalam pengurusan kewangan pada 2018, kata Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid.

Jabatan Audit Negara dalam satu kenyataan media, memaklumkan daripada 54 yang diaudit itu, 14 kementerian, jabatan dan badan berkanun pula mencapai tahap baik, diikuti tahap memuaskan (lima) dan tahap kurang memuaskan (satu).

Kenyataan media itu merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 1 mengenai Pengurusan Kewangan, aktiviti, syarikat bagi kementerian, jabatan, agensi dan badan berkanun Persekutuan dan Kerajaan Negeri 2018 yang dibentangkan di Parlimen hari ini.

Nik Azman berkata, di peringkat negeri pula, 83 kementerian, jabatan dan agensi mencapai tahap cemerlang, diikuti tahap baik (69), tahap memuaskan (26), tahap kurang memuaskan (13) dan tahap tidak memuaskan (dua).

Mengenai pengauditan prestasi bagi program, aktiviti, projek kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, beliau berkata, secara umumnya ia dilaksanakan mengikut tujuan ditetapkan namun terdapat beberapa kelemahan telah dikenal pasti.

Antara kelemahan itu membabitkan kelewatan pembekalan peralatan, projek pembinaan terbengkalai atau melewati jadual, kes pembayaran tidak teratur, kelemahan pentadbiran kontrak, tidak mengikut

spesifikasi dan tidak berkualiti selain ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil kerajaan.

Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Ketua Audit Negara mengemukakan lapan syor terhadap Pengurusan Kewangan Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun Persekutuan.

Selain itu, 99 syor dikemukakan terhadap aktiviti kementerian, jabatan dan badan berkanun Persekutuan, 34 syor pula terhadap pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan serta 100 syor bagi pengurusan aktiviti kementerian, jabatan, agensi dan pengurusan syarikat Kerajaan Negeri.



9. Audit: Kerja penyenggaraan Saliran Mesra Alam NS tidak capai objektif

SEREMBAN: Kerja penyenggaraan Saliran Mesra Alam di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan (JPSNS) gagal mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan ia tidak dilaksanakan dengan cekap dan kaedah yang berkesan.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, walaupun sebanyak 281 kerja penyenggaraan dilaksanakan berbanding 45 yang disasarkan, bidang kerja yang dilaksanakan tidak menyeluruh dan gagal mengikut kekerapan seperti perancangan yang ditetapkan.

"Ketiadaan perancangan terperinci penyenggaraan Saliran Mesra Alam menjadi punca utama kerja penyenggaraan gagal mencapai objektifnya.

"Ini menyebabkan terdapat kolam takungan yang tidak dapat disenggara, penyenggaraan secara berkala selepas kerja siap tidak dapat dilaksanakan dan kerja yang dilaksanakan tidak menyeluruh," menurut laporan berkenaan.

Pelaksanaan kerja penyenggaraan Saliran Mesra Alam adalah bertujuan menangani masalah banjir kilat yang sering berlaku di kawasan pembangunan terutamanya di kawasan yang dalam pembangunan bandar seperti kawasan perumahan dan perindustrian.

Bagi mengatasi kelemahan dalam pengurusan kerja penyenggaraan Saliran Mesra Alam yang dibangkitkan tidak berterusan, Ketua Audit Negara mencadangkan supaya JPSNS mengambil tindakan sewajarnya.

Antaranya adalah menyediakan penilaian hasil bagi setiap penyenggaraan Saliran Mesra Alam supaya dapat menilai keberkesanan kerja yang dilaksanakan.

"Pihak JPSNS boleh menggunakan Laporan Banjir Tahunan bagi membuat penilaian hasil bagi memastikan pelaksanaan penyenggaraan adalah berkesan.

"Perlunya mengadakan perbincangan antara kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempat (PBT) dalam usaha mewujudkan satu kerjasama bagi menyelesaikan masalah penyenggaraan kolam takungan.

"Wujudkan jawatankuasa khas untuk kenal pasti keadaan pewartaan kolam takungan di Negeri Sembilan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil sekiranya berlaku insiden di luar kawalan JPSNS," menurut laporan itu.

Selain itu, Ketua Audit Negara turut mencadangkan JPSNS menyediakan jadual pemantauan secara berkala, merekodkan aduan dan tindakan yang diambil untuk dikemukakan kepada Bahagian Korporat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (SUKNS) dan JPS serta mempergiatkan usaha meningkatkan bilangan kolam angkat oleh komuniti setempat dengan pemantauan dari JPSNS bagi membantu mengatasi masalah sumber peruntukkan yang terhad.



Kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) di hospital seluruh negara berpunca daripada jumlah kunjungan pesakit melebihi 'Level of Care' yang ditetapkan.

10. Kesesakan di Jabatan Kecemasan hospital kerana kunjungan pesakit melebihi 'level of care'

KUALA LUMPUR: Kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) di hospital seluruh negara berpunca daripada jumlah kunjungan pesakit melebihi 'Level of Care' yang ditetapkan, iaitu antara 5.7 hingga 95.6 peratus.

Menurut Laporan Audit Negara 2018 Siri 1, secara keseluruhannya rawatan kecemasan dan trauma telah diberikan kepada semua pesakit walaupun sebahagian pesakit terpaksa menunggu lama.

"Ini disebabkan peningkatan kedatangan pesakit terutama bagi kes bukan kecemasan dan kekangan yang dihadapi oleh ETD dari aspek beban tugas yang tinggi, kekurangan peralatan perubatan, ruang yang terhad dan ketidakupayaan sistem ICT.

"Perkara ini telah memberi kesan terhadap perkhidmatan rawatan kecemasan yang pantas dan tepat kepada pesakit," menurut laporan yang dikeluarkan hari ini.

Ia antara faktor Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mencapai Key Performance Indicators (KPI) Medical Emergency Coordinating Centre (MECC) bagi kes keutamaan kategori 1 (Priority 1: kes kritikal) seperti yang ditetapkan.

"Hanya 58.7 hingga 74.5 peratus pesakit dirawat dalam tempoh kurang dari empat hingga enam jam dan ada 917 kes Access Block yang mana pesakit tidak dapat dipindahkan ke wad perubatan," katanya.

Selain itu, ETD turut mengalami kekurangan perjawatan iaitu antara 11.6 hingga 53.1 peratus berbanding bilangan perjawatan diperlukan berdasarkan pengiraan 'Workload Indicators of Staffing Need (WISN) 2010'.

Laporan itu turut menyebut kekurangan perjawatan bagi pakar kecemasan adalah antara 75.6 hingga 79.5 peratus, pegawai perubatan antara 41.2 hingga 64.6 peratus, penolong pegawai perubatan antara 2.6 hingga 33.9 peratus dan jururawat terlatih antara 17.4 hingga 67.1 peratus.

ETD juga turut mengalami kekurangan bilangan katil bagi ruang rawatan di Zon Kuning, Zon Merah dan Observation Ward/Bay kerana menerima jumlah pesakit yang semakin meningkat menyebabkan mereka terpaksa menyediakan antara lapan hingga 50 unit atau dua hingga lima kali ganda bilangan katil tambahan atau sofa.

Selain itu, ETD juga mengalami kekurangan sebanyak 108 (50.9 peratus) daripada 212 peralatan perubatan yang perlu disediakan mengikut keperluan 'Emergency Medicine and Trauma Services Policy' (EMTSP) serta peralatan komputer yang dibekalkan tidak mencukupi meskipun penggunaan sistem ICT mencapai tahap optimum.

Laporan itu mengesyorkan KKM supaya mewujudkan koordinasi dan integrasi antara hospital, klinik kesihatan awam dan swasta bagi memperkukuhkan perkhidmatan pra hospital sebagai institusi khusus yang menyediakan perkhidmatan kesihatan bersepadu dan menyeluruh serta mewujudkan kesamarataan dalam pembahagian pengurusan kes.

Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Awam perlu menimbangkan untuk memberi pengecualian melaksanakan Dasar Mengoptimumkan Sumber Manusia melalui pengurangan saiz perjawatan sebanyak satu peratus kepada KKM.

Selain itu, KKM perlu diberikan perjawatan tambahan bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan kesihatan termasuk pakar kecemasan berbanding peningkatan beban kerja.

KKM pula, dengan kerjasama Kementerian Kewangan perlu mempertimbangkan kaedah yang lebih komprehensif dalam menangani masalah kekurangan fasiliti seperti 'outsourcing' atau 'leasing' bagi memberikan perkhidmatan kecemasan lebih baik serta dapat mengurangkan beban perbelanjaan Kerajaan.

KKM juga perlu memberi keutamaan terhadap keupayaan infrastruktur dan sistem ICT agar tidak menjejaskan kecekapan perkhidmatan kecemasan terutamanya dari aspek pengurusan data dan membuat keputusan yang pantas



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya

11. SPRM tunggu taklimat Jabatan Audit

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Audit Negara sebelum memutuskan sama ada siasatan perlu dijalankan terhadap kelemahan yang didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara semalam.

Ketua Pesuruhjayanya, Latheefa Koya, berkata sehubungan itu pihaknya kini menunggu tarikh untuk mendapatkan taklimat berhubung perkara itu sebelum mengambil langkah seterusnya.

"Saya pun belum dapat tarikh... memang tunggu untuk dapatkan taklimat Jabatan Audit.

"Mereka akan beri taklimat tentang laporan (audit) itu, dan dari situ kami akan beri fokus kepada kes, di mana ada masalah jelas kami akan adakan siasatan," katanya dalam temu bual dengan Bernama di sini hari ini.

Semalam, Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1 mendedahkan beberapa perkara, antaranya berlaku manipulasi dan penipuan dalam Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) bagi meluluskan kuota pekerja asing sehingga menyebabkan kehilangan hasil kepada negara.

Sementara itu, menyentuh mengenai aduan kes rasuah yang diterima, Latheefa berkata penambahbaikan perlu dibuat memandangkan secara kasar hanya 30 peratus daripada aduan yang diterima SPRM adalah lengkap dan boleh dijalankan siasatan.

Beliau berkata, aduan mengenai kes rasuah boleh dibuat dalam pelbagai bentuk seperti melalui surat, aplikasi MACCMobile, SMS, e-mel, dan hadir sendiri ke SPRM.

"Kami juga terima lebih dari 10 surat termasuk surat layang yang menyalurkan maklumat mengenai rasuah yang mempunyai asas untuk siasatan dijalankan," katanya ketika ditanya mengenai surat berhubung salah laku rasuah yang diterima SPRM.

Beliau berkata bukan semua surat yang diterima adalah surat layang kerana ada juga surat yang mempunyai maklumat pengirim.

Sehubungan itu, Latheefa menasihatkan orang ramai yang ingin membuat aduan atau menyalurkan maklumat berhubung salah laku rasuah agar meninggalkan maklumat pengadu untuk dihubungi bagi membolehkan pihaknya mendapatkan maklumat tambahan sekiranya perlu.

"Ada yang datang bagi maklumat asas sahaja dan itu menyukarkan kami untuk mengambil tindakan seterusnya jika kami tidak mempunyai maklumat lengkap pengadu.

"Kepada yang buat aduan jangan kata SPRM tidak ambil tindakan, bagi kami nama dan nombor telefon, alamat e-mel supaya boleh rujuk kepada anda (untuk maklumat lanjut)," katanya.



MENTERI Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerima kunjungan hormat Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, K Shanmugam, di Parlimen, hari ini.

12. KDN tambah baik MyIMMS - Muhyiddin

KUALA LUMPUR: Jabatan Imigresen akan mengambil tindakan susulan bagi penambahbaikan berhubung pendedahan berlaku manipulasi dan penipuan dalam Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs).

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pihaknya memandang berat perkara yang didedahkan melalui Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, semalam.

Katanya, langkah sewajarnya akan diambil bagi mengelak isu sama berulang pada masa akan datang.

"Saya sudah berbincang dengan Ketua Pengarah Imigresen (Datuk Khairul Dzaimie Daud) dan akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut.

"Dari segi penambahbaikan, kita sudah mulakan. Apa yang ditegur oleh Jabatan Audit Negara adalah sistem lama tetapi kita sudah mengambil langkah membaiki kebocoran dan salah guna kuasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Menteri Undang-Undang dan Hal Ehwal Dalam Negeri Singapura, K Shanmugam, di Parlimen, hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1 mendedahkan berlaku manipulasi dan penipuan dalam MyIMMs bagi meluluskan kuota pekerja asing ketika pentadbiran kerajaan terdahulu sehingga menyebabkan kehilangan hasil negara.

Berdasarkan audit bagi tempoh 2016 hingga 2018, berlaku manipulasi pada sistem itu yang mana kuota diwujudkan kepada 123 syarikat untuk membawa pekerja asing didapati kelulusan palsu.

Ditanya mengenai bekas Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Santubong yang direman semalam, Muhyiddin berkata, siasatan mengenainya diserahkan kepada pihak polis.

13. LKAN dedah salah tadbir dana SEDIC

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Siri 1 2018 mendedahkan salah tadbir dana berjumlah jutaan ringgit disalurkan kepada Unit Khas bagi Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDIC) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dari 2014 hingga 2018.

Menurut LKAN, SEDIC yang ditubuhkan pada 7 Mei 2014, diberikan peruntukan RM203.89 juta oleh pentadbiran kerajaan terdahulu bagi memberi latihan kemahiran, pembangunan keusahawanan dan peningkatan pencapaian pendidikan kepada masyarakat India dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus ke bawah (B40) dari tahun 2014 hingga 2018.

Bagaimanapun, laporan itu merumuskan program dilaksanakan SEDIC yang dijenamakan semula sebagai Unit Transformasi India Malaysia (MITRA), adalah kurang cekap kerana tiada rekod dan pangkalan data yang lengkap diselenggarakan untuk menilai pencapaiannya.

LKAN juga mendedahkan ada 49 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak memenuhi kriteria tetapi tetap diluluskan penerimaan dana berjumlah RM18.91 juta oleh SEDIC, pada tahun 2017.

Selain itu, ada juga kes di mana 20 fail NGO untuk 23 program dengan jumlah dana RM10.77 juta tidak diserahkan kepada SEDIC bagi semakan audit SEDIC, pada 2014.

Audit juga mendapati lima NGO dan satu Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) gagal memulangkan lebih dana berjumlah RM2.86 juta selepas gagal mematuhi syarat memorandum persefahaman (MoU) dengan SADIC.

"Selain itu, 35 NGO dan empat ILKS lain pula dikesan tidak membuka akaun berasingan; enam program bernilai RM2.93 juta membabit enam NGO dilaksanakan oleh pihak ketiga dan sejumlah RM1.18 juta telah dibayar kepada pihak ketiga sebelum program bermula.

"Lima belas NGO dan satu ILKS yang dilawati telah membelanjakan dana tidak mengikut skop yang ditetapkan berjumlah RM2.77 juta dan lapan NGO tidak membuat pembayaran bagi elaun peserta, token lokasi, insurans dan kit peserta berjumlah RM1.89 juta.

"Sebanyak 18 NGO lain didapati tidak mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap bagi pembayaran berjumlah RM8.13 juta," katanya.

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, LKAN mencadangkan supaya MITRA perlu menyediakan pangkalan data yang menyeluruh.



TIMBALAN Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah ditemuramah pemberita berkaitan isu istana dan audit negara selepas menghadiri Mesyuarat EXCO di Kompleks Darul Naim.

14. Kelantan terima teguran Jabatan Audit Negara

KOTA BHARU: Kerajaan negeri menerima teguran Jabatan Audit Negara mengenai Program Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) yang tidak mencapai objektif yang ditetapkan, kerana sasaran bagi menyediakan dan menawarkan 5,000 unit dalam tempoh 2014 hingga 2018 tidak tercapai.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata teguran seperti itu dapat membantu memperbaiki kelemahan dan meningkatkan prestasi.

Bagaimanapun katanya, berhubung teguran mengenai RMMK mungkin terdapat kekeliruan dalam pemahaman kerana rumah mampu milik bukan sahaja dilaksanakan oleh kerajaan, negeri sebaliknya membabitkan semua pihak seperti agensi swasta dan Kerajaan Pusat.

"Kerajaan negeri meletakkan sasaran 5,000 unit rumah mampu milik bukannya dibina oleh kerajaan negeri sahaja sebaliknya ia meliputi keseluruhan dibuat agensi serta Kerajaan Pusat.

"Sebab itu teguran Jabatan Audit adalah negatif sedangkan secara keseluruhan kita sudah melepasi sasaran 5,000 unit, termasuk di Kelochor, yang dibina Kerajaan Pusat," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Exco, di sini, hari ini.

Jabatan Audit Negara sebelum ini menegur tiga agensi kerajaan di Kelantan membabitkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan yang menguruskan RMMK, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kelantan (Pengurusan Skim Bantuan Am Al-Musa'adah) dan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK Sawit Sdn Bhd).

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 Siri 1 mendapati, secara keseluruhan mendapati RMMK tidak mencapai objektif yang ditetapkan kerana sasaran bagi menyedia dan menawarkan 5,000 unit RMMK dalam tempoh 2014 hingga 2018 tidak tercapai.

"Didapati prestasi program dari segi pencapaian output fizikal dan pencapaian 'outcome' hanya 160 unit (3.2 peratus) RMMK yang dapat disediakan dan ditawarkan," katanya.

Laporan itu turut menyebut antara kelemahan yang dikenal pasti adalah peruntukan kewangan RMMK tidak dibelanjakan secara optimum, terma dalam Dasar RMMK iaitu syarat kuota dan levi bagi projek perumahan/bercampur tidak dimasukkan dalam syarat kelulusan kebenaran merancang, syarat sekatan/ moratorium tidak dikenakan dan projek yang sudah siap tidak dapat dijual kerana masih belum mendapat Certificate of Completion and Compliance (CCC).



Bekas Pengarah Urusan Ambank, Cheah Taek Kuang hadir prosiding perbicaraan di mahkamah Kuala Lumpur.

15. Jho Low bawa pegawai Ambank jumpa Najib hendak buka akaun

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan yang menjadi buruan pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low, memperkenalkan dan membawa pengarah Ambank bertemu Datuk Seri Najib Razak bagi proses membuka akaun bank bekas perdana menteri itu pada 2011.

Jho Low turut meminta pegawai bank yang memproses pembukaan akaun itu untuk menggunakan kod nama 'AmPrivate Banking - MR' bagi akaun semasa Najib dengan alasan ia perlu diuruskan dengan penuh kerahsiaan.

Pengarah Urusan Kumpulan Ambank ketika itu, Cheah Tek Kuang, yang menceritakan pertemuan dengan Najib pada pertengahan Januari 2011 di kediaman tertuduh di Nombor 11, Jalan Langgak Duta di sini, berkata beliau dibawa dengan menaiki kereta pada jam 7 malam bagi membincangkan pembukaan akaun itu.

Tek Kuang yang membacakan pernyataan saksi, berkata beliau sebelum itu disediakan dengan salinan Borang Pembukaan akaun bank dan kad kredit oleh bekas Pengurus Perhubungan Ambank, Joanna Yu yang kosong dan tidak diisi oleh pelanggan seperti disyaratkan bank.

"Apabila saya tiba di rumah Najib, saya bertemu Low Taek Jho yang juga dikenali sebagai Jho Low yang saya pernah jumpa sebelum ini.

"Jho Low membawa saya ke dalam kediaman itu dan memperkenalkan saya kepada Najib. Beliau turut beritahu saya dari Ambank. Najib kemudian menuju ke bilik tetamu, manakala Jho Low menunggu di ruang lain kediaman itu.

"Saya menjelaskan kepada Najib, prosedur pembukaan akaun Ambank dan mesti mematuhi syarat dan peraturan bank dan saya perlu beritahu Bank Pusat kerana Najib adalah seorang yang *politically exposed* (seorang yang diamanahkan dengan tanggungjawab awam dan berisiko terbabit dengan rasuah)," katanya.

Saksi ke-50 pendakwaan itu berkata, Najib kemudian menandatangani borang pembukaan akaun dan kad kredit yang dibawanya.

Pertemuan berkenaan berlangsung 20 minit dan beliau dihantar pulang selepas semua proses selesai.

Katanya, beliau memberikan semua borang ditandatangani itu kepada Joanna untuk menyempurnakan proses pembukaan akaun dan kad kredit.

"Saya kemudian mengadakan temu janji dengan Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz yang ketika itu Gabenor Bank Negara dan menemuinya beberapa hari kemudian di pejabat beliau.

"Saya memberitahunya mengenai pembukaan akaun itu. Zeti berkata, beliau tidak membantah Ambank untuk membuka akaun berkenaan, tetapi mesti mengikut peraturan perbankan negara," katanya.

Berhubung proses pembukaan akaun itu, saksi berkata beliau tidak pasti siapa yang memutuskan nama kod untuk akaun bank berkenaan.

"Apa yang saya tahu, ada perbincangan untuk menggunakan kod nama bagi perlindungan maklumat dan mengekalkan sensitiviti. Saya juga memaklumkan kepada Gabenor Bank Negara berhubung perkara itu.

"Joanna beritahu saya, alasan kod nama 'AmPrivate Banking - MR' bagi akaun semasa Najib adalah berdasarkan permintaan Jho Low yang meminta ia diuruskan dengan kerahsiaan ketat," katanya.

Terdahulu, Tek Kuang berkata, ketika bertugas di Ibu Pejabat Ambank di Jalan Raja Chulan di sini, pada awal Januari 2011, beliau didatangi Joanna yang memberitahunya, Najib berminat untuk membuka akaun simpanan dan semasa.

"Saya kemudian berjumpa Pengerusi Ambank, Tan Sri Azman Hashim di pejabatnya untuk membincangkan hasrat Najib dan Tan Sri mengarahkan saya menguruskan perkara itu.

"Selepas itu, saya menghubungi Setiausaha Sulit Najib, Allahyarham Datuk Azlin Alias untuk menguruskan pertemuan dengan Najib. Saya kenal Azlin sejak 2009 dan dia juga adalah Pegawai Khas kepada Najib," katanya.

Sementara itu, Tek Kuang berkata Ambank terbabit dengan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 2009 apabila syarikat itu menjadi pelanggan korporat.

Katanya, beliau mula menguruskan akaun peribadi Najib pada akhir 2010.

Saksi itu yang juga Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), berkata beliau tidak menghadiri Mesyuarat Panel Pelaburan KWAP yang membincangkan dan menimbang Kertas Pelaburan berhubung pinjaman tambahan RM2 bilion oleh SRC International Sdn Bhd pada 2012.

Katanya, beliau hanya diberitahu KWAP meluluskan pinjaman tambahan itu kerana ia turut dijamin kerajaan.

"Pengalaman saya sebagai Ahli Panel Pelaburan KWAP, dua pinjaman yang diberikan kepada SRC yang semuanya berjumlah RM4 bilion adalah pinjaman terbesar pernah dipersetujui dan diluluskan KWAP," katanya.

Ketika menjawab soalan peguam Harvinderjit Singh, saksi itu berkata Najib mahu membuka akaun itu bagi menerima derma dari Arab Saudi.

Ditanya berapa jumlah derma itu, Tek Kuang menjawab, "Mungkin AS\$100 juta atau AS\$200 juta".

Beliau turut memberitahu Najib untuk melaporkan perkara itu kepada Bank Negara.

Perbicaraan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

16. Pasukan khas siasat pendedahan Ketua Audit

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menubuhkan Pasukan Petugas Khas (Taskforce) bagi meneliti pendedahan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), seterusnya mengambil tindakan jika ada unsur rasuah dan penyelewengan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata pihaknya sudah mendapat laporan penuh serta diberikan taklimat oleh Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid dan Jabatan Audit Negara berhubung LKAN 2018 Siri 1, kelmarin.

"Dari situ, kami fokus kepada beberapa perkara. Salah satunya membabitkan isu prosedur dan tataterbit yang mungkin tidak cukup serius untuk SPRM menyiasat, tetapi ada syor tertentu dikemukakan kepada jabatan berkenaan.

"Pada masa sama, mereka (Jabatan Audit Negara) mengenal pasti beberapa isu yang SPRM boleh masuk (siasat).

"(Sehubungan itu) Kita menubuhkan Pasukan Petugas untuk melihat kepada LKAN bagi tujuan mengambil tindakan, jadi sudah tentu kita akan menyiasat," katanya dalam wawancara bersama akhbar dan stesen televisyen kumpulan Media Prima di pejabatnya di sini, hari ini.

Latheefa berkata, antara perkara dalam penelitian SPRM ialah pendedahan mengenai salah tadbir dana berjumlah jutaan ringgit disalurkan kepada Unit Khas bagi Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDIC) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Satu lagi ialah isu tuntutan palsu di Jabatan Pendidikan Terengganu," katanya sambil mengesahkan pihaknya juga meneliti pendedahan LKAN berhubung manipulasi dan penipuan dalam Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs).

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, apa sahaja pendedahan menerusi LKAN yang membabitkan kehilangan dana dalam jumlah besar, kekurangan dokumentasi, tuntutan palsu dan rasuah akan disiasat.

"Beri kami ruang untuk menyiasat," katanya.

LKAN Siri 1 2018 mendedahkan salah tadbir dana berjumlah jutaan ringgit disalurkan kepada SEDIC untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India dari 2014 hingga 2018.

Ketika ditanya mengenai isu Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang dikatakan pengurusan penyelenggaraannya didapati kurang cekap apabila sebanyak 12,261 rumah itu tidak selamat diduduki,

sama ada akan turut disiasat SPRM, Latheefa mengakui, ia akan dilaksanakan dalam siasatan seterusnya.



KETUA Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya.



Tengku Adnan hadir sambung bicara di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas dakwaan menerima rasuah RM2 juta.

17. Salinan resit sumbangan politik RM2 juta tidak dijumpai

KUALA LUMPUR: Tiada salinan resit pembayaran sumbangan politik berjumlah RM2 juta daripada sebuah syarikat kepada Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, diberitahu.

Penolong Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nik Muhammad Faiez Idris, 27, berkata tiada salinan pendua di dalam buku resit bagi pembayaran RM2 juta sumbangan politik kepada UMNO yang diberikan kepada Tengku Adnan daripada Pengarah Urusan Syarikat Aset Kayamas Sdn Bhd, Tan Sri Chai Kin Kong.

"Selepas menyemak buku rujukan itu, resit bernombor 376241 ada pada buku dikemukakan kepada saya oleh pegawai di Bahagian Kewangan UMNO, Farahdzilla, sebelum menyita buku dan menyerahkan salinan sita kepadanya.

"Bagaimanapun, saya tidak dapat cari salinan untuk nombor resit 376241 bertarikh 14 Jun 2016 itu," katanya.

Nik Muhammad Faiez yang juga saksi ke-20 berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Timbalan Pendakwa Raya Julia Ibrahim bagi sesi pemeriksaan utama kes itu.

Nik Muhammad Faiez berkata, beliau bersama seorang lagi pegawai SPRM, Mohd Afzal Tiyyasin, pergi ke Ibu Pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), jam 10 pagi, pada 18 Julai lalu, bagi mendapatkan buku resit itu selepas menerima arahan pegawai penyiasat SPRM, Mohd Saad Bordani.

"Pada 17 Julai lalu, ketika saya bertugas di Mahkamah Jalan Duta, saya diarah pegawai penyiasat (Mohd Saad) untuk ke pejabat UMNO di PWTC bagi mendapatkan buku resit rasmi UMNO.

"Buku resit itu berkaitan wang berjumlah RM2 juta dan nombor siri dinyatakan pada resit yang terdapat pada buku terbabit.

"Sejurus tiba, saya bersama Mohd Afzal berjumpa dengan Farahdzilla dan memohon kerjasama supaya dia mengeluarkan buku resit UMNO yang digunakan di pejabat itu," katanya.

Terdahulu, Hakim Mohamed Zaini Mazlan, membenarkan pendakwaan memanggil Nik Muhamad Faiez sebagai saksi tambahan untuk memberi keterangan berkaitan resit pembayaran RM2 juta yang dikemukakan oleh Kin Kong.

Mohamed Zaini dalam penghakimannya berkata pendakwaan dibenarkan memanggil sesiapa saja sebagai saksi yang dianggap wajar.

"Mahkamah tidak boleh menghentikan pendakwaan daripada memanggil saksi baharu.

"Berhubung kesinambungan perbicaraan pada 1 Ogos dan 2 Ogos 2019, pihak pembelaan mempunyai masa mencukupi untuk periksa dokumen sebelum meneruskan pemeriksaan balas mereka," katanya.

Sementara itu, Julia berkata resit itu tiada dalam pengetahuan dan milikan pihak pendakwaan sebelum perbicaraan bermula.

"Kewujudan resit ini hanya diketahui sejurus ia dikemukakan oleh pihak pembelaan pada 17 Julai lalu.

"Adalah munasabah apabila pihak pendakwaan hanya menyerahkan dokumen bertujuan untuk menjelaskan berkaitan resit itu ketika perbicaraan berjalan.

"Perkara ini selaras dengan Seksyen 51A(4) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), di mana fakta jelas menunjukkan penyerahan lewat dokumen itu tidak dibuat secara sengaja atau dengan niat jahat," katanya.

Sementara itu, peguam Datuk Tan Hock Chuan yang mewakili Tengku Adnan berhujah bahawa tujuan Seksyen 51A Kanun Prosedur Jenayah adalah untuk memastikan keadilan perbicaraan dan akhirnya menegakkan integriti mahkamah dalam pentadbiran keadilan jenayah.

Mengikut pertuduhan, Tengku Adnan sebagai seorang penjawat awam iaitu Menteri Wilayah Persekutuan didakwa menerima untuk dirinya wang berjumlah RM2 juta daripada Kin Kong yang juga ahli perniagaan, melalui cek Hong Leong Islamic Bank milik syarikat Aset Kayamas.

Cek itu didepositkan ke dalam akaun CIMB Bank milik Tadmansori Holdings Sdn Bhd yang Tengku Adnan mempunyai kepentingan, yang diketahui syarikat Aset Kayamas ada perhubungan dengan kerja rasminya.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di CIMB Bank Berhad, Cawangan Pusat Bandar Damansara, di sini pada 14 Jun 2016, dan didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.



18. SC laksana pelan tindakan cegah rasuah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mendedahkan hanya 59 peratus syarikat tersenarai dengannya mempunyai polisi pencegahan rasuah dan kebanyakan polisi itu pula ada kekurangan jika dibandingkan dengan *Garis Panduan Tatacara Mencukupi*.

Berikutan itu, SC akan melaksanakan pelan tindakan dengan matlamat utama menyokong Pelan Pencegahan Rasuah Kebangsaan (2019- 2023) (NACP).

Suruhanjaya berkenaan dalam satu kenyataan berkata, tindakan itu penting bagi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam tinjauan dwitahunan *Corporate Governance Watch* oleh Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia.

"SC mengemukakan pelan tindakannya kepada Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Pencegahan Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 18 Julai lalu, dengan cadangan memperkukuh standard tadbir urus korporat untuk mencegah amalan rasuah, salah laku dan penipuan.

"JKKMAR sudah meluluskan cadangan SC untuk menghendaki syarikat tersenarai menyediakan langkah pencegahan rasuah, dan bagi SC untuk membangunkan rangka kerja untuk menggalakkan pelaksanaan tanggungjawab pengarah dengan berkesan.

"JKKMAR juga bersetuju beberapa langkah lain dicadangkan SC akan dibincangkan lebih lanjut dengan Pejabat Pengurusan Hutang," katanya dalam satu kenyataan di sini, sebentar tadi.

Suruhanjaya itu berkata, susulan berkuatkuasanya peruntukan liabiliti korporat dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 pada Jun 2020, pihaknya menggesa syarikat

tersenarai untuk bersedia dan mengambil langkah perlu mewujudkan rangka kerja pencegahan rasuah berkesan sejajar *Garis Panduan Tatacara Mencukupi*.



ANTHONY Loke (tengah) memperkatakan sesuatu kepada Ahmad Samsuri (empat, kanan) selepas melawat terowong pada Majlis Pelancaran Semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Tapak Terowong Dungun, Bukit Bauk.

19. ECRL projek terbesar China di Malaysia

DUNGUN: Projek mega Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bernilai RM44 bilion yang dilancarkan semula hari ini, selepas sembilan bulan tertangguh, antara projek dengan kontrak terbesar dikendalikan syarikat China di negara luar.

Duta Besar China ke Malaysia, Bai Tian, berkata ECRL adalah projek kerjasama ekonomi dan perdagangan terbesar antara China dan Malaysia setakat ini.

Beliau berkata, pelancaran semula projek mega itu melambangkan aspirasi bersama kedua-dua negara dalam melonjakkan kerjasama ekonomi dan perdagangan.

"Selepas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan projek ECRL akan diteruskan pada 15 April lalu, ia meningkatkan keyakinan pelabur luar untuk melabur di Malaysia, terutama pelabur dari China.

"Malah, sejak tiga bulan lalu, banyak syarikat dan perusahaan China di Malaysia menyatakan jangkaan yang optimis dengan pelaburan di Malaysia.

"Kami juga menyedari semakin banyak perusahaan dan pelabur China datang untuk melabur di Malaysia. Kami percaya, pelancaran semula ECRL hari ini akan meningkatkan kerjasama Malaysia dan China," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran semula ECRL tapak terowong Dungun oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke di sini, hari ini.

Majlis turut dihadiri dan dilancarkan bersama oleh Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun; Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), Datuk Seri Darwis Abd Razak serta wakil Menteri Besar Pahang dan Kelantan.

Tian berkata, daripada perspektif strategik, pemimpin China dan Malaysia sudah mewujudkan hubungan diplomatik sejak 45 tahun lalu, yang membuka pintu persefahaman dan pertukaran antara kedua negara.

"Kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua negara membuahkan hasil terbaik dan sehingga akhir 2018, perdagangan dua hala antara Malaysia dan China mencecah ASD100 bilion (RM411.4 bilion) dalam tempoh 10 tahun.

"China adalah rakan perdagangan terbesar Malaysia, juga pelabur luar terbesar dalam sektor pembuatan sejak tiga tahun lalu dan rakan kongsi terbesar dalam sektor pembinaan sejak beberapa tahun lalu.

"Justeru, kerjasama ekonomi dan perdagangan antara China dan Malaysia mempunyai potensi besar dan cerah, dan China bersedia untuk bekerjasama dengan Malaysia untuk membuka era baharu hubungan Malaysia-China dalam pelbagai aspek," katanya.

Beliau berkata, sebaik ECRL siap dijangka pada 2026, ia akan memacu pembangunan ekonomi, logistik, perdagangan dan pelancongan dan menjadi pemain penting dalam memajukan lagi ekonomi dan pembangunan sosial Malaysia.



Menteri Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar

20. Industri air di setiap negeri akan diaudit

KUALA LUMPUR: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan melaksanakan audit menyeluruh terhadap industri air di seluruh negara, dalam usaha merangka rancangan jangka panjang bagi industri berkenaan.

Menterinya, Dr Xavier Jayakumar, berkata beliau sudah mengarahkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memulakan audit berkenaan merangkumi semua aspek bekalan dan perkhidmatan air.

"Kita akan mengaudit seluruh aspek dalam industri air di setiap negeri, antaranya pengurusan syarikat air dan masalah yang ada seperti tidak cukup sumber atau air terawat.

"Selain itu, kita akan melihat kawasan mana yang perlu diberi tumpuan dan apa rancangan yang boleh dilakukan untuk tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang di kawasan itu.

"Justeru, dengan data yang ada kelak, kita boleh membuat satu rancangan yang baik dan menyeluruh untuk masa depan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Projek Air Bersih Etiqa di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Insurans & Takaful Etiqa, Kamaludin Ahmad serta Presiden Islamic Aid Malaysia, Zawahir Abdullah.

Mengulas rancangan menaikkan tarif air, Xavier berkata, perbincangan untuk mendapatkan persetujuan negeri sudah hampir selesai.

"Saya kini sedang di peringkat akhir menyiapkan kertas kerja untuk dibentangkan kepada Kabinet dan selepas mendapat persetujuan Kabinet, kita akan mengumumkannya," katanya.

Selain itu, Xavier berkata, kementeriannya sudah memulakan kerjasama dengan Jepun untuk membuat pemetaan spesifik bagi sumber air bawah tanah.

Katanya, ketika ini, negara hanya menggunakan lima peratus sumber air bawah tanah dan penggunaannya perlu dioptimumkan terutama bagi menghadapi musim kemarau.



Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud.

21. Sistem baharu imigresen elak penipuan

KUALA LUMPUR: Jabatan Imigresen dalam proses membangunkan Sistem Integrasi Imigresen (IIS) yang baharu bagi menggantikan Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) yang dikesan berlaku manipulasi dan penipuan untuk meluluskan kuota pekerja asing.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud, berkata sistem IIS itu sedang dalam proses perolehan oleh pihaknya.

Beliau berkata, tender sistem IIS mula dibuka kepada vendor pada Mei lalu dan akan ditutup pada Ogos ini.

"Kami akan membuat penilaian terdahulu terhadap vendor-vendor yang berminat dengan tender sistem berkenaan sebelum melancarkan sistem IIS sepenuhnya.

"Jika semua berjalan lancar, imigresen akan mengeluarkan surat tawaran kepada vendor yang berjaya pada Januari tahun hadapan," katanya.

Khairul Dzaimie berkata, untuk tempoh sepanjang pembinaan sistem IIS ini, MyIMMs akan terus digunakan dengan beberapa penambahbaikan.

Beliau berkata, selepas sistem IIS mengambil alih MyIMMs, sistem lama itu akan dihentikan sepenuhnya dan sistem IIS akan dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Imigresen.

"Daripada segi senggaraan, sistem IIS akan diletakkan di bawah vendor," katanya.

Sementara itu, ditanya sama ada pegawai atau anggota imigresen terbabit memanipulasi dan penipuan sistem MyIMMs, Khairul Dzaimie berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tatatertib.

"Sekiranya terdapat mana-mana pegawai atau anggota imigresen yang bersekongkol memanipulasi sistem MyIMMs, mereka akan menerima tindakan yang sewajarnya di bawah peraturan-peraturan tatatertib pegawai awam.

"Selain itu, pihak imigresen telah membuat laporan polis berhubung perkara berkenaan, manakala siasatan lanjut sedang dibuat," katanya.

Pada 15 Julai lalu, Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1, merumuskan berlaku manipulasi dan penipuan dalam MyIMMs bagi meluluskan kuota pekerja asing sehingga menyebabkan kehilangan hasil kepada negara.

Berikutan itu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Jabatan Imigresen akan mengambil tindakan berhubung pendedahan laporan berkenaan mengenai berlaku manipulasi dan penipuan MyIMMs.

Berdasarkan audit bagi tempoh 2016 hingga 2018, berlaku manipulasi pada sistem itu yang kuota diwujudkan kepada 123 syarikat untuk membawa pekerja asing didapati kelulusan palsu.

Analisis laporan audit turut mendapati 21,378 pekerja asing daripada 32,424 kuota yang diwujudkan secara tidak teratur, mendapat Pas Lawatan Kerja Sementara.

Pada 19 Julai lalu, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya, berkata pihaknya sudah menubuhkan pasukan petugas khas untuk meneliti pendedahan Laporan Ketua Audit Negara sebelum mengambil tindakan, jika terdapat unsur rasuah.



22. Kerugian FGV punca resolusi bayaran yuran pengarah ditolak

KUALA LUMPUR: Keputusan menolak tiga resolusi berhubung pembayaran yuran serta manfaat pengarah FGV Holdings Bhd (FGV) dibuat berikutan prestasi syarikat itu yang mengalami kerugian RM1.08 juta pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Md Jidin, berkata Ahli Lembaga Pengarah FELDA membuat penelitian sewajarnya ke atas resolusi yang dibentangkan dan bersetuju menolak kesemua resolusi membabitkan pembayaran yuran dan manfaat kepada ahli lembaga syarikat itu.

"Lembaga Pengarah FELDA juga berpandangan bahawa yuran dan manfaat pengerusinya adalah antara yang tertinggi berbanding syarikat perladangan lain yang tersenarai.

"Melangkah ke hadapan FELDA dan FGV akan terus mengadakan perbincangan dan libat urus untuk menyelesaikan perkara itu dalam masa terdekat, kerajaan yakin ia dapat diselesaikan dengan baik dan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi pertanyaan bagi jawab lisan pada persidangan Dewan Negara hari ini bagi menjawab soalan Senator Datuk Hanafi Mamat yang ingin tahu punca sebenar cadangan pembayaran itu tidak diluluskan.

Pada 25 Jun lalu, pemegang saham utama FGV - FELDA dengan 33.7 peratus; Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF) (5.0 peratus), dan LTAT (1.25 peratus), menolak tiga resolusi berkaitan bayaran yuran pengarah pada mesyuarat agung tahunan (AGM) kumpulan itu.

Resolusi itu bertujuan mendapatkan kelulusan berhubung pembayaran yuran pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, bayaran yuran pengarah bagi tarikh 26 Jun 2019 sehingga

AGM seterusnya dan bayaran manfaat yang boleh dibuat bagi tempoh 26 Jun 2019 sehingga *AGM* berikutnya.